



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“KERATAN AKHBAR KESUMA”

RABU
3 Disember 2025



Pekerja bakal terima skim perlindungan hingga luar waktu

KUALA LUMPUR: Kumpulan pekerja bakal memperoleh Skim Lindung 24/7 iaitu sebuah skim perlindungan menyeluruh kepada mereka sepanjang masa termasuk sekiranya berlaku kemalangan di luar waktu bekerja.

Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong berkata, Rang Undang-Undang (RUU) Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2025 bakal memberi manfaat kepada hampir 10 juta pekerja formal di seluruh negara.

Menurut beliau, Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) mempunyai keupayaan untuk memastikan kelancaran pelaksanaan skim terbabit apabila dilaksanakan kelak.

“Purata tempoh masa pemprosesan (tuntutan) untuk tahun lepas di bawah Perkeso bagi setiap kes adalah lebih kurang 24 jam. Maksudnya, kecukupannya memang ada untuk memastikan kes diproses dengan segera.

“Perkeso memang tidak ada kompromi untuk memastikan kecukupan. Purata (masa diambil untuk memproses tuntutan) adalah 1.29 hari,” katanya ketika menggulung

RUU tersebut di Dewan Rakyat semalam.

Steven Sim berkata, kajian sedang dijalankan oleh pihak kementeriannya untuk memberikan insentif kepada pen-carum yang tidak membuat sebarang tuntutan dalam tempoh tertentu.

Terdahulu, ketika membentangkan RUU itu bagi bacaan kali kedua, Steven Sim berkata, sebanyak 12,306 kes tuntutan ditolak Perkeso sejak 2023 hingga Oktober lalu selepas ia diputuskan sebagai bukan bencana kerja.

Beliau berkata, jumlah tersebut menunjukkan wujud kepentingan untuk pelaksanaan Skim Keselamatan Bukan Bencana Kerja (SKBBK) yang dimasukkan dalam RUU Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2025.

Katanya, pelaksanaan skim tersebut bagi mengelak situasi ribuan keluarga yang terpaksa menanggung sendiri kos rawatan dan segala perbelanjaan pemulihan, hanya kerana kemalangan itu berlaku di luar waktu kerja.

RUU itu diluluskan dengan lebih suara bersetuju selepas dibahas 10 Ahli Parlimen kerajaan dan pembangkang di De-

wan Rakyat.

Sementara itu, Dewan Rakyat turut meluluskan RUU Sistem Insurans Pekerjaan (Pindaan) 2025 yang antara lain bertujuan meningkatkan faedah kepada pencarum Perkeso kehilangan pekerjaan serta memperkukuh tadbir urus pelaksanaan Sistem Insurans Pekerjaan (SIP).

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad berkata, setakat 30 November lalu sebanyak 57,094 atau 85.3 peratus pekerja telah menerima manfaat di bawah pelbagai faedah dalam SIP.

Beliau berkata, jumlah berkenaan adalah daripada sebanyak 69,923 kes kehilangan pekerjaan yang telah direkodkan oleh Perkeso dalam tempoh lima tahun.

“Jumlah keseluruhan bayaran faedah SIP yang diluluskan ialah sebanyak RM437.19 juta dan kerajaan kekal komited memastikan bantuan ini terus disalurkan secara cepat, telus dan berkesan agar pekerja yang terkesan meneruskan kelangsungan hidup sementara mereka kembali memasuki pasaran pekerjaan,” katanya.

Dua RUU berkaitan perlindungan pekerja dilulus Dewan Rakyat

KUALA LUMPUR - Dewan Rakyat pada Selasa meluluskan Rang Undang-Undang (RUU) Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2025 antara lain bertujuan memperkenalkan Skim Lindung 24/7 iaitu perlindungan menyeluruh kepada pekerja sepanjang masa termasuk di luar waktu bekerja.

Menteri Sumber Manusia, Steven Sim berkata, pelaksanaan skim berkenaan bakal memberi manfaat kepada hampir 10 juta pekerja formal di seluruh negara.

Ketika menggalang RUU itu di Dewan Rakyat,



STEVEN

Steven berkata, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) mempunyai keupayaan untuk memastikan kelancaran pelaksanaan skim terbabit apabila dilaksanakan kelak.

"Purata tempoh masa pemprosesan (tuntutan) untuk tahun lepas di bawah PERKESO bagi setiap kes adalah lebih kurang 24 jam. Maksudnya, kecekapannya memang ada untuk memastikan kes diproses dengan segera.

"PERKESO memang tidak ada kompromi untuk memastikan kecekapan. Purata (masa diambil untuk memproses tuntutan) adalah 1.29 hari," katanya.

Terdahulu, ketika membentangkan RUU itu, Steven berkata, sebanyak 12,306 kes tuntutan ditolak PERKESO sejak 2023 hingga Oktober lepas selepas ia diputuskan sebagai bukan bencana kerja.

Beliau berkata, jumlah itu menunjukkan wujud kepentingan untuk pelaksanaan Skim Keselamatan Bukan Bencana Kerja (SKBBK) yang dimasukkan dalam RUU Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2025.

Sementara itu, Dewan Rakyat turut meluluskan RUU Sistem Insurans Pekerjaan (Pindaan) 2025 yang antara lain bertujuan meningkatkan faedah kepada pencarum PERKESO kehilangan pekerjaan serta memperkukuh tadbir urus pelaksanaan Sistem Insurans Pekerjaan (SIP).


Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad ketika menggalang RUU tersebut berkata, setakat 30 November lepas, sebanyak 57,094 atau 85.3 peratus pekerja telah menerima manfaat di bawah pelbagai faedah dalam SIP.

- Bernama

5

தொழிலாளர் சமூகப் பாதுகாப்பு சட்ட மசோதா மக்களவையில் நிறைவேற்றம்

கோலாலம்பூர்,
டிச.3 -
வேலைக்குப்
பின் விபத்தில்
சிக்கும் தொழி
லாளர்களுக்கு 24
மணி நேரமும்
சொக்சோ பாது
காப்பு வழங்கும்
தொழிலாளர்
சமூகப் பாதுகாப்பு
(திருத்தம்) 2025



சட்ட மசோதா மக்களவையில்
அங்கீகரிக்கப்பட்டது.
மக்களவையில் மனிதவள
அமைச்சர் ஸ்டீவன் சிம் தாக்கல்
செய்த இச்சட்ட மசோதா
ஆளும் கட்சி, எதிர்க்கட்சியைச்
சேர்ந்த பெரும்பான்மை மக்கள்
பிரதிநிதிகளின் ஆதரவைப்
பெற்றது.

இது குறித்துப் பேசிய
ஸ்டீவன் சிம், 2023 முதல்
கடந்த அக்டோபர் மாதம் வரை
சொக்சோவுக்கு
விண்ணப்பித்த 12,306
விண்ணப்பங்கள் வேலைக்குப்
பிந்திய இழப்பு எனக் கூறி
நிராகரிக்கப்பட்டுள்ளன.
இதைக் கடுமையாகக்
கருதியே வேலையில்

அல்லாத பேரிடர் பாதுகாப்புத்
திட்டத்தை அமல்படுத்துவதில்
அரசாங்கம் தீவிரம் காட்டியது.

வேலைக்குப் பின்னர்
விபத்துகளில் சிக்குவோரின்
மருத்துவச் செலவுகளைக்
குடும்பமே சுமப்பது
வேதனையாக மாறியிருப்பதால்
மருத்துச் செலவுகளுக்கும்
மறுவாழ்வுக்கும் உதவிடும்
வகையில் இச்சட்டம் திருத்தம்
செய்யப்பட்டுள்ளது.

இச்சட்டத்தின் வாயிலாக
ஒரு தொழிலாளி விபத்தில்
சிக்கும்போது வாரத்தில் ஏழு
நாட்களும் 24 மணி நேரமும்
முழு பாதுகாப்பு
வழங்கப்படுகிறது.

இந்தச் சட்டம் எதிர்பாரா
விதமாக விபத்தில் சிக்கும்
தொழிலாளருக்கு ஏதேனும்
நேர்ந்தால் பாதிக்கப்பட்டவரின்
குடும்பம் ஒரே நாளில்
வறுமையில் வீழ்ந்து விடாது
என்பதற்கான உத்தரவாதமாகும்.
அதே நேரத்தில் 10 மில்லியன்
தொழிலாளர்களுக்கு

இம்மசோதா பயனளிக்கும்
என்று அவர் சொன்னார்.

திருத்தியமைக்கப்பட்ட
இந்தத் திட்டத்திற்கான
சந்தாவை தொழிலாளர்கள்
செலுத்துவர் என்றும் அதனை
முதலாளிமார்கள் சொக்சோ
நிறுவனத்திடம் செலுத்துவர்
என்றும் ஸ்டீவன் சிம்
குறிப்பிட்டார்.